

**ALUAN EDITORIAL,****PENGARAH,****INTERNATIONAL SEMINAR ON SYARIAH AND LAW (INSLA) 2018****DR. ZAHARUDDIN BIN ZAKARIA**

Bismillahirrahmanirrahim

Ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat atas penganjuran Seminar Antarabangsa Syariah dan Undang-undang (INSLA) 2018 pada kali ini. Semoga agenda seminar kali ini dapat dihayati oleh semua peserta seminar yang terdiri daripada pelbagai negara di rantau nusantara khususnya dan di dunia amnya.

Undang-undang Syariah adalah undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T kepada manusia keseluruhannya bertujuan untuk menjaga keharmonian dan kelestarian hidup manusia di dunia. Di samping undang-undang Syariah, terdapat undang-undang yang dikanunkan oleh manusia hasil daripada pengalaman dan keilmuan mereka. Kedua-duanya terus berkembang dan diamalkan di serata negara di dunia. Kedua-duanya adalah unik dari segi sumber perundangan dan heiraki autoritinya, peraturan dan amalan undang-undang, sistem perundangan dan pentadbiran keadilan, hak asasi dan kaedah penyelesaian pertikaian dan hujan-hujah yang dikemukakan oleh sarjana masing-masing. Di samping meraikan perbezaan yang wujud di antara kedua-dua sistem sebagai keistimewaan tersendiri, sebarang masalah yang wujud tidak wajar dilihat sebagai kekangan bagi mencapai matlamat keadilan. Disebabkan ketiadaan analisis yang jelas dan pemahaman yang utuh mengenai nilai-nilai, prinsip-prinsip dan amalan-amalan yang wujud dalam kedua-dua sistem perundangan tersebut, pertentangan akan berterusan.

Justeru semoga seminar ini akan dapat menjadi rujukan kepada penulisan-penulisan lanjut dalam bidang keilmuan khususnya Syariah dan Undang-Undang.

Sekian,

Pengarah,

International Seminar on Syariah and Law (INSLA) 2018

Dr. Zaharuddin Bin Zakaria